

03 DEC 1998

Mahkamah-Anwar (Pengakuan)

TIADA SESIAPA SURUH SAYA BUAT PENGAKUAN BERSUMPAH -- AZIZAN

KUALA LUMPUR, 3 Dis (Bernama) -- Azizan Abu Bakar memberitahu Mahkamah Tinggi hari ini bahawa tiada sesiapa yang menyuruh beliau membuat surat pengakuan bersumpah berhubung perbuatan Datuk Seri Anwar Ibrahim yang didakwa meliwatnya.

Azizan, saksi ke-12 pada perbicaraan kes rasuah Anwar yang masuk hari ke-19 itu berkata, surat pengakuan itu dibuat atas kerelaannya sendiri setelah membincangkan perkara itu dengan Ummi Hafilda Ali.

Ummi ialah penulis surat "Perihal Salah Laku Timbalan Perdana Menteri" yang dihantar kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bersama-sama dengan pengakuan bersumpah Azizan.

Azizan berkata demikian ketika disoal balas oleh peguam Christopher Fernando yang mewakili Anwar.

Anwar, 51, bekas Timbalan Perdana Menteri dan bekas Menteri Kewangan, sedang menghadapi empat pertuduhan menggunakan kedudukannya untuk campur tangan dalam penyiasatan polis berhubung dakwaan salah laku seks terhadapnya.

Berikut soal jawab antara Azizan dan Fernando:

Fernando: Siapa yang menyuruh kamu membuat dokumen yang kamu panggil pengakuan bersumpah?

Azizan: Tidak ada sesiapa yang menyuruh saya membuat pengakuan bersumpah. Saya buat atas kerelaan saya sendiri.

Fernando: Adakah kamu berbincang dengan sesiapa sebelum kamu membuat dokumen itu?

Azizan: Sebelum membuat pengakuan bersumpah, saya ada berbincang dengan Ummi apa yang telah terjadi ke atas diri saya.

Fernando: Siapa yang jumpa siapa? Adakah Ummi jumpa kamu atau kamu jumpa dia?

Azizan: Kami sama-sama berjumpa untuk membincangkan perkara ini.

Fernando: Maksud kamu kedua-dua kamu berjumpa dan kedua-dua kamu mempunyai pendapat yang sama. Itukah yang hendak kamu katakan?

Azizan: Masa saya bekerja dengan Shamsidar...

Fernando: Tak payah terangkan. Saya hanya tanya, siapa yang jumpa siapa.

Azizan: Ummi menelefon saya untuk berjumpa saya.

Fernando: Di mana kamu berjumpa?

Azizan: Kami berjumpa di pejabat Ummi.

Fernando: Selain Ummi, ada orang lain lagi yang hadir?

Azizan: Tidak ada.

Fernando: Apa kata Ummi kepada kamu?

Azizan: Pada mulanya Ummi ingin mengetahui sama ada kakak iparnya mempunyai hubungan sulit dengan Anwar.

Fernando: Mengenai pengakuan bersumpah itu, bagaimana kamu menimbulkan perkara itu atau bagaimana dia berbuat demikian?

Azizan: Pada mulanya dia tidak mengetahui tentang perbuatan liwat yang terjadi ke atas diri saya.

Fernando: Secara khususnya, bagaimana dia timbulkan perkara mengenai pengakuan bersumpah itu?

Azizan: Saya yang menceritakan kejadian yang berlaku ke atas diri saya kepada Ummi. Ummi pada mulanya tidak ada reaksi apa-apa, dia kelihatan tenang.

Fernando: Adakah dia yang suruh kamu buat pengakuan bersumpah ini?

Azizan: Saya yang menyuruh dia membuat pengakuan bersumpah ini kerana Ummi mahir dalam penggunaan bahasa.

Fernando: Jadi, kamu mengatakan yang kamu menyuruh Ummi membuat pengakuan bersumpah itu dan dia setuju?

Azizan: Ya, Yang Arif.

Fernando: Bilakah ini berlaku? Pertemuan kamu yang pertama dengan Ummi?

Azizan: Pada pertengahan bulan Julai 1997.

Fernando: Berapa banyak perjumpaan yang kamu adakah dengan Ummi sebelum pengakuan bersumpah itu dibuat?

Azizan: Seingat saya, dua atau tiga kali.

Fernando: Selepas ia dibuat, berapa kali kamu berjumpa Ummi?

Azizan: Dua atau tiga kali juga, Yang Arif, selepas pengakuan bersumpah dibuat.

Fernando: Bagaimana dan siapa menghantar pengakuan bersumpah ini kepada PM?

Azizan: Saya tidak tahu sebab Ummi tidak beritahu saya siapa yang hantar dan bagaimana pengakuan bersumpah dihantar kepada PM.

Pada peringkat ini, Hakim Datuk S. Augustine Paul menanggungkan perbicaraan sesi pagi sehingga pukul 2.15 petang dan mengarahkan Azizan supaya tidak bercakap atau berbincang mengenai kes itu dengan sesiapa.

Sebelum itu, sebaik sahaja mahkamah bersidang, Hakim Paul memaklumkan bahawa mulai esok, beliau mahu sesi perbicaraan sebelah pagi dimulakan tepat jam 9.15 pagi.

Paul berkata, mana-mana pihak yang ingin memohon supaya mahkamah bersidang agak lewat, bolehlah memberitahunya kerana jika tidak, beliau terpaksa menyuruh pekerjaanya memeriksa beberapa kali sama ada semua pihak telah bersedia sebelum bersidang.

Beliau menyifatkan perkara itu sebagai tidak wajar.

Peguam Gurbachan Singh mengambil kesempatan ini untuk mengadu bahawa pihak pembelaan menghadapi masalah untuk berjumpa dan berbincang dengan Anwar.

Timbalan Kanan Pendakwa Raya Datuk Abdul Gani Patail kemudiannya menjelaskan bahawa beliau telah memaklumkan perkara itu kepada pihak berkuasa Penjara Sungai Buloh.

Katanya, beliau telah dimaklumkan bahawa Anwar akan berada di mahkamah pukul 8 pagi setiap hari dan perlu berada semula di Sungai Buloh sebelum pukul 6 petang bagi membolehkan peguam berbincang dengannya.

-- BERNAMA

SBB AHH NMO